

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1990/91

Oktober/November 1990

SBU 320 Pembangunan Bandar Dan Desa

Masa : [3 jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi SATU muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA (3) soalan

1. [a] Huraikan tesis "bias bandar" yang diutarakan oleh Michael Lipton
- [b] Pada pandangan anda sejauh manakah tesis berkenaan menepati pengalaman pembangunan di Malaysia.

[100 markah]

2. Pembangunan bandar adalah kesan secara langsung proses migrasi dan proses perbandaran. Sehubungan dengan itu, nyatakan, apakah masalah-masalah utama yang dihadapi di bandar dan terangkan matlamat utama strategi pembangunan bandar di Negara Dunia Ketiga.

[100 markah]

3. Mengapakah kepekaan kepada sifat keheterogenan atau kepelbagaiannya kelas/kelompok desa penting di dalam menanggapi masalah pembangunan desa di Negara Dunia Ketiga.

[100 markah]

4. "Usaha-usaha perindustrian bukanlah jalan penyelesaian yang utama kepada masalah kemiskinan di Negara Dunia Ketiga, sama ada masalah kemiskinan bandar ataupun desa". Apakah pandangan anda?

[100 markah]

5. [a] Huraikan konsep "perangkap kemiskinan" yang diutarakan oleh Robert Chambers.

- [b] Huraikan secara ringkas "Debat Perindustrian Soviet".

[100 markah]